CHLORHEXIDA 4 SOLUTION

Chlorhexidine Gluconate (4% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Chlorhexida 4 Solution
2. Bagaimana Chlorhexida 4 Solution berfungsi
3. Sebelum mengguna Chlorhexida 4 Solution
4. Cara menggunakan Chlorhexida 4 Solution
5. Semasa mengunakan Chlorhexida 4 Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Chlorhexida 4 Solution
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Chlorhexida 4 Solution

Chlorhexida 4 Solution digunakan untuk pembasmian kuman pada kulit sebelum pembedahan dan pencuci tangan antiseptik.

Bagaimana Chlorhexida 4 Solution berfungsi

Chlorhexida 4 Solution mengandungi chlorhexidine gluconate sebagai bahan aktifnya. Ia mempunyai sifat antiseptik yang membunuh bakteria dan menghalang pertumbuhan bakteria.

Sebelum mengguna Chlorhexida 4 Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap chlorhexida gluconate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).
- anda mengalami hipersensitiviti (gatal, ruam kulit, kemerahan, bengkak, kesukaran bernafas, pening kepala, perkembangan degupan jantung yang cepat).

-Sebelum mula menggunakan

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Untuk kegunaan luaran sahaja. Gunakan hanya seperti yang diarahkan. Elakkan sentuhan dengan membran mukus (lapisan kulit yang menutupi rongga lapisan atau organ dalaman).

Tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang di kawasan besar badan. Ikut arahan doktor anda tentang berapa lama menggunakan chlorhexidine.

Ia boleh menyebabkan kecederaan serius dan kekal apabila diletakkan di mata, telinga, atau mulut. Berhati- hati mengikuti semua arahan sebelum menggunakan chlorhexidine untuk mengelakkan kesan sampingan yang serius.

Jika Chlorhexida 4 Solution bersentuhan dengan mata, cuci dengan segera dan teliti dengan air.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Chlorhexida 4 Solution mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh Chlorhexida 4 Solution atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi. Chlorhexida 4 Solution juga tidak sesuai dengan penggunaan ersama sabun atau agen anionic lain.

Cara menggunakan Chlorhexida 4 Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda berapa banyak yang perlu digunakan setiap hari, dan untuk berapa lama anda perlu menggunakannya. Jangan gunakan Chlorhexida 4 Solution yang telah dicairkan.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan hemolisis (pecah sel darah merah). Pengambilan secara tidak sengaja mungkin memerlukan pencucian gastrik dengan menggunakan susu, putih telur, gelatin atau sabun ringan.

Semasa menggunakan Chlorhexida 4 Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Chlorhexida 4 Solution.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

CHLORHEXIDA 4 SOLUTION

Chlorhexidine Gluconate (4% w/v)

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Chlorhexida 4 Solution kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian
Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, kegatalan, bengkak, kesukaran bernafas, pening kepala atau degupan jantung yang cepat.

Kesan-kesan Sampingan
Seperti ubat-ubatan lain, Chlorhexida 4 Solution boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jika symptom beterusan, jangan menggunakan ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Gangguan tisu kulit seperti dermatitis, kegatalan, kemerahan, ekzema, ruam, kerengsaan kulit, lepuh.
- Gangguan sistem imun.
- Berpotensi: Reaksi alergi serius atau hipersensitiviti (kejutan anapilaktik)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Chlorhexida 4 Solution
- Penyimpanan
Simpan semua ubat jauh daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah 30°C, jauh dari cahaya. Simpan bekas yang ditutup rapat. Mudah tercemar, ambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah pencemaran.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tamat tarikh tempoh seperti yang tertera pada pek bungkusan. Tarikh luput adalah merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

-Pelupusan
Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah- langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut
-Rupa dan warna produk
Larutan merah jernih tanpa sebarang bendasing dan berbau lavender.

-Bahan kandungan
- Bahan aktif:
• Setiap 100mL larutan mengandungi 4g Chlorhexidine Gluconate.

- Bahan tidak aktif:
• Ethoxylated Nonylphenol
• Isopropyl Alcohol
• Lavender fragrance
• Allura Red
• Purified Water

- Nombor MAL:
MAL19950560XZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang
InspiraPharma Sdn. Bhd.(200401023395)
Lot 24 & 25, Jalan 8, Kawasan Perusahaan Bakar Arang, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP
05/12/2025

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)040219/00030